

# MCPF Gazette

"YOUR SAFETY IS OUR PRIORITY"

MCPF X Murid :

Pelbagai Program Pencegahan Jenayah di  
peringkat sekolah

Empati :

Scam Video Lucah &  
Delusi Cinta

Peka Undang-Undang :  
Seksyen 302 Kanun Keseksaan

Jenayah Seksual :  
**Darkside**  
(Demi Kemewahan Kurela)

# BARISAN AHLI EXCO MCPF 2023/2026

## PENAUNG

YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim  
Perdana Menteri Malaysia

## PENGERUSI

YB Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail  
Menteri Dalam Negeri

## TIMBALAN PENGERUSI

YDH IG Tan Sri Razarudin Husain  
Ketua Polis Negara

## NAIB PENGERUSI KANAN

YBhg. Dato' Sri Ayub Yaakob

## NAIB PENGERUSI

YBhg. Dato' Sri Dr. King Lim Chin Fui

## BENDAHARI

YBhg. Dato' Dr. Zamrud Misdi

## SETIAUSAHA KEHORMAT

YDH SAC Alina Sa'ad

## SETIAUSAHA EKSEKUTIF

YDH DSP Noorhamasiren Boonthnam Ekkasook

## EX-OFFICIO

1. KSU Kementerian Dalam Negeri
2. KSU Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat
3. KSU Kementerian Belia dan Sukan
4. KSU Kementerian Komunikasi
5. KSU Kementerian Pendidikan Tinggi
6. Ketua Pengarah Kementerian Pendidikan Malaysia
7. Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat
8. Ketua Pengarah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
9. Komisioner Jeneral Jabatan Penjara Malaysia
10. Ketua Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia
11. Ketua Pengarah Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA)
12. Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan
13. Ketua Pengarah Agensi AntiDadah Kebangsaan (AADK)
14. Ketua Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia
15. Pengarah Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPJKK) PDRM
16. Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia
17. Penggerusi Persatuan Polis Bantuan Malaysia

## LAIN-LAIN AHLI EXCO

1. YBhg. Dato' Sri Johnny Ch'ng Ewe Gee
2. YBhg. Datuk Kamarudin Md Ali
3. YBrs. Prof. Madya Dr. Geshina Ayu Mat Saat
4. YBrs. Tuan Chan Kuang Yu
5. YBhg. Tan Sri Datuk Seri Tan Kean Soon
6. YBrs. Puan Wan Su Haji Haron
7. YBhg. Datuk Muhammad Fuad Talib
8. YBhg. Dato' Sri Chong Chin Fung
9. YBhg. Dato' Seri Pulayantran Kayambu
10. YBhg. Datuk Mak Foo Wei
11. YBhg. Tan Sri Datuk Eddy Chen Lok Lai
12. YBhg. Dato' Kennard Ch'ng Ewe Kok
13. YBhg. Tan Sri Datuk Robert Phang Miow Sin
14. YBhg. Dato' Haji Abdul Aziz Ariffin
15. YBhg. Prof. Dato' Dr. Mohamad Fauzan Noordin
16. YBhg. Datuk Santhra Segaran Kanapathy
17. YBhg. Datuk Seri Garry KS Chua
18. YBrs. Prof. Dr. Mohamad Salmi Mohd Sohod
19. YBrs. Tuan Asheeq Ali Sethi Aliv
20. YBrs. Tuan Muhammad Aliff Naif Mohd Fizam

## Dari Pena Editor

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Segala pujian bagi Allah SWT, akhirnya penerbitan MCPF Gazette Edisi Pertama Tahun 2024 yang bertemakan Jenayah Seksual : Darkside (Demi Kemewahan Kurela) dapat diterbitkan. Edisi kali ini memaparkan satu sisi jenayah seksual yang berlaku di negara ini. Terbitan ini memaparkan pola perubahan di mana generasi muda kini yang terlibat dengan jenayah persundulan secara rela dan terbuka di media sosial. Dahulunya bahan-bahan eksplisit ini didedahkan di media sosial tanpa rela dan persetujuan. Namun kini, atas faktor-faktor yang mendesak, segelebih generasi kini menggadaikan harga diri dan maruah demi memenuhi kemewahan hidup. Edisi ini memberikan pendedahan kepada semua akan situasi sebenar yang berlaku di sebalik alam maya. Oleh itu, pemantauan daripada semua pihak terhadap isu ini hendaklah diberikan perhatian penuh terutamanya oleh golongan ibu bapa, pihak berkuasa dan masyarakat. Seharusnya aktiviti sebegini tidak disokong dan disambut baik. Hal ini demikian kerana, perkara sebegini mampu memberi dampak besar terhadap kualiti sahsiah, akhlak dan moral generasi hadapan.

Selain itu, terbitan kali ini turut mendedahkan pembaca dengan aspek perundungan yang perlu diambil tahu dengan topik jenayah bunuh dan persundulan. Pencegahan sosial dan komuniti adalah asas bagi pencegahan jenayah oleh itu turut dipaparkan aktiviti yang dianjurkan oleh MCPF khusus untuk golongan siswa dan pelajar sekolah. Seterusnya turut diketengahkan beberapa program inisiatif dan kolaborasi MCPF yang dianjurkan pada penggal 1 2024. Kemudian, terbitan ini turut mengetengahkan pengalaman mangsa jenayah.

Edisi ini menyentuh secara khusus isu-isu semasa jenayah dan keselamatan yang sesuai dengan slogan kami "Your Safety is Our Priority". Selamat Membaca!

**AHMAD AMIRUL ARIF RAZAK**  
**EKSEKUTIF OPERASI**

# Kata-kata Aluan

## Dato' Sri Ayub Yaakob

### Naib Pengurus Kanan

Bismilahirrahmanirahim,

Assalamualaikum warahmatullah wabarakatuh.

Alhamdulillah, saya ingin merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T atas kesempatan yang diberikan bagi mencoret sepatah dua kata dalam edisi terbaru MCPF Gazzete. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada barisan jawatankuasa dan Sekretariat MCPF yang gigih merangka program kesedaran pencegahan jenayah melibatkan pelbagai lapisan masyarakat di seluruh negara sejak awal tahun ini.

Pelbagai kempen dan sesi libat urus bersama jabatan, agensi penguatkuasaan serta syarikat swasta telah disusun bagi meningkatkan kesedaran umum dalam mengurangkan kadar jenayah di negara ini. Agak mustahil untuk mengharapkan sesebuah negara itu bebas mutlak daripada jenayah, namun apa yang mungkin kita boleh lakukan adalah dengan membendung kegiatan tersebut lebih awal. Seperti kata pepatah "mencegah itu lebih baik daripada merawat". Usaha ini menuntut kerjasama daripada semua pihak.

Bermula hujung tahun lepas sehingga awal penggal tahun ini, pelbagai kes jenayah telah dilaporkan di media cetak dan elektronik. Antara yang mendapat perhatian umum adalah kes berkaitan penjualan video lucah di platform media sosial dan pembunuhan kejam seorang kanak-kanak autistik berusia enam tahun, Zayn Rayyan Abdul Matiin. Kes-kes seperti ini bukan saja mengancam tahap keselamatan awam bahkan telah mencemarkan imej negara di mata dunia.

Di bawah Kerajaan Perpaduan Malaysia MADANI ini, saya yakin dan percaya kadar jenayah mampu dikurangkan kepada tahap minima melalui kempen kesedaran yang digerakkan Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti PDRM dengan kerjasama MCPF dan agensi penguatkuasaan lain. Malah, penganjuran karnival pencegahan jenayah pada April lalu diharapkan dapat diteruskan dari masa ke semasa sebagai platform untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai peranan mereka mengekang kes jenayah di kawasan setempat.

Pada kesempatan ini, saya ini merakamkan ucapan tahniah kepada Sekretariat dan Sidang Redaksi buletin MCPF di atas usaha menerbitkan MCPF Gazett pada edisi kali ini. Sekalung penghargaan juga kepada semua Jawatankuasa Tetap dan Jawatankuasa Perhubungan Negeri yang telah berjaya merangka serta menjalankan pelbagai program pencegahan jenayah sepanjang tahun 2024.



# MCPF GAZETTE

# ISI KANDUNGAN


6  
Perginya Tun  
Mohammed Hanif

11  
Beza V2K &  
Darkside

17  
Persundalan menurut  
undang-undang

34  
Mangsa Scam :  
Panggilan video  
lucah

Ketahui informasi  
akaun Instagram di  
ms. 18



16  
**PUZZLE CARI KATA :**  
**JENAYAH SEKSUAL**

Cari perkataan yang dikaitkan dengan kesalahan  
yang bersifat seksual dalam permainan Carian  
Perkataan.

2  
**Pena Editor**

5  
**Sekalung Takziah**

- Perginya Tun  
Mohammed Hanif
- Zayn Rayyan
- Insiden Tembakan  
Balai Polis Ulu Tiram

8  
**Sensasi : Demi  
Kemewahan Kurela  
Jenayah Seksual :  
Darkside**

- Apa itu Darkside?
- Beza V2K & Darkside
- Daddy Ash & Cikgu  
Darkside

14  
**Peka Undang-undang**

- Seksyen 302 Kanun  
Keseksaan
- Persundalan Menurut  
Undang-undang

19  
**MCPF X Murid**

- Pelbagai Sekolah

22  
**MCPF X Siswa**

- Universiti Islam  
Selangor

25  
**Inisiatif & Kolaborasi  
MCPF**

- Karnival Pencegahan  
Jenayah PDRM
- Program "Hentikan  
Buli" Jangan Jadi  
Mangsa
- Bengkel Pemerksaan  
Komuniti Mencegah  
Penyalahgunaan  
Dadah & Pelencongan  
Sosial
- Program Pencegahan  
Jenayah Bersama  
Masyarakat India  
Batang Kali

33  
**Empati**

- Sextortion : Scam  
Panggilan Video Lucah
- Komen Penyelaras  
WCC Penang : Salma  
Farhanah
- Ketahui Informasi  
Akaun Instagram
- Delusi Cinta

A wide-angle photograph of a mountainous landscape during sunset or sunrise. The mountains are silhouetted against a bright sky, with some peaks catching the light. In the foreground, a calm lake reflects the surrounding hills and the warm colors of the sky.

*Kita lahir dengan  
satu cara namun  
kematian menjemput  
dengan pelbagai cara*

SEKALUNG TAKZIAH

إِنَّ اللَّهَ وَالْمَلائِكَةَ رَجُلُوهُنْ

Takziah

kepada seluruh keluarga



## Tun Mohammed Hanif Omar

Mantan Ketua Polis Negara &  
Ahli Kehormat Seumur Hidup MCPF

kembalinya ke Rahmatullah pada

**20 April 2024 (Sabtu) bersamaan 11 Syawal 1445H**


Pada 20 April 2024 (Sabtu), Tun Mohammed Hanif Omar, mantan Ketua Polis Negara (KPN), yang juga merupakan Ahli Kehormat Seumur Hidup Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF), telah kembali ke rahmatullah. Allahyarham telah melakar sejarah dalam perkhidmatan Polis Diraja Malaysia (PDRM) iaitu sebagai individu paling muda dan lama menerajui tampuk kepimpinan PDRM.

Allahyarham dilantik memegang jawatan sebagai KPN keempat pada 8 Jun 1974, ketika berusia 35 tahun. Beliau memegang jawatan KPN selama 20 tahun dan telah bersara pada 15 Januari 1994. Semasa menerajui PDRM, Tun Mohammed Hanif telah mengasaskan unit anti pengganas elit, Unit Tindakan Khas (UTK). Selain itu, antara jasa beliau yang akan terus dikenang ialah penukaran nama Balai Polis Bluff Road kepada Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia Bukit Aman pada 1975.

Jasa dan keringat Tun Mohammed Hanif dalam menjaga dan memelihara keselamatan negara akan sentiasa dikenang. Antara tanggungjawab terbesar beliau adalah sebagai Ketua Pegawai Turus (Polis) bagi Majlis Gerakan Negara ketika insiden 13 Mei 1969.

Begitu banyak jasa dan pengorbanan Allahyarham dalam PDRM dan pencegahan jenayah. Beliau merupakan Timbalan Pengurus pertama MCPF dan merupakan antara individu yang mengasaskan MCPF yang juga merupakan Exco MCPF, sehingga sekitar tahun 2012. Beliau telah diangkat menjadi Ahli Kehormat Seumur Hidup MCPF pada tahun 2023.

# Sekalung Takziah



5 Disember 2023, Malaysia dikejutkan dengan kehilangan sorang kanak-kanak autism, Zayn Rayyan Abdul Matiin. Kemudian pada 6 Disember, mayat anak Istimewa ini ditemui berhampiran aliran anak sungai berdekatan blok rumahnya di Apartment Idaman, Damansara Damai. Polis giat memburu suspek terbabit dengan melakukan pemeriksaan dari rumah ke rumah.

Seramai 225 percakapan daripada keluarga dan penduduk di apartment tersebut telah dirakam. 248 sampel asid deosiribonukliek (DNA) juga telah diambil bagi membantu siasatan. Bantuan Polis Antarabangsa (INTERPOL) juga telah diminta bagi merungkai misteri pembunuhan ini. MCPF Selangor telah menawarkan ganjaran RM20,000 kepada mana-mana individu yang membantu kepada penangkapan suspek. Malangnya, sehingga hari ini kematian Zayn Rayyan masih belum ada titik noktahnya.

Pada 17 Mei lalu, negara dikejutkan dengan serangan maut oleh seorang ahli Jemaah Islamiah (JI) ke atas Balai Polis Ulu Tiram seawal jam 2.30 pagi. Peristiwa hitam itu telah meragut nyawa dua anggota polis berpangkat konstabel dan mengakibatkan seorang lagi anggota berpangkat koperal cedera parah di bahu dan perut.

Dua anggota polis yang terkorban dalam insiden itu ialah KONST Ahmad Azza Fahmi Azhar (atas) dan KONST Muhamad Syafiq Ahmad Said (bawah). Anggota polis yang cedera pula ialah KPL Mohd Hasif Roslan.

Menurut Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain, suspek sememangnya sudah membuat persediaan dan perancangan awal untuk melakukan serangan tersebut. Serangan berlaku sebaik suspek yang bermotosikal memasuki balai dan menuju terus ke belakang balai.

Sewaktu kejadian, KONST Ahmad Azza meluru ke belakang balai untuk melakukan pemeriksaan, namun telah diserang dan ditetak mati oleh suspek yang bersenjatakan parang. Dua anggota polis yang menyedari kejadian itu bergegas menyusuli ke belakang balai bagi memeriksa dan berlaku insiden tembak menembak. Suspek yang berusia 30-an itu maut di tempat kejadian.




SENSASI :

# DARKSIDE



*"Menyelami Sisi Gelap  
Manusia"*

DEMI KEMEWAHAN KURELA



# Apa itu Darkside?

Setiap daripada kita sememangnya mempunyai sisi gelap masing-masing yang tidak ingin diketahui umum. Dengan wujudnya dunia digital yang semakin mencabar, sesetengah individu memilih untuk memiliki sisi gelap atau *alter ego*, dengan meleburkan diri dalam dunia persundulan digital. Kewujudan ratusan media sosial, yang bertujuan untuk memudahkan perhubungan sosial telah disalahgunakan bagi tujuan persundulan berorientasikan keuntungan semata-mata.

## “ANONYMOUS”

Mereka yang terjerumus dalam aktiviti ini akan mempunyai dua jenis akaun dalam media sosial. Akaun umum adalah untuk tontonan awam dan interaksi sosial manakala akaun yang kedua adalah akaun Darkside (DS). Akaun DS ini adalah akaun berbentuk sulit, menggunakan nama dan identiti samaran. Rata-rata akaun DS ini akan menggunakan aplikasi media sosial yang jarang digunakan atau penggunaannya hanya tertumpu kepada golongan usia tertentu sahaja.

Antara aplikasi yang digunakan untuk DS ini adalah seperti Instagram, X (dahulu dikenali sebagai Twitter), Telegram, WeChat, MiChat, SnapChat dan OnlyFans.

## LENCONGAN

Akaun umum digunakan untuk interaksi lencongan kepada akaun DS, kepada mereka yang mengetahui akan sisi gelap atau DS ini. Lencongan selalunya akan menggunakan ‘link in bio’ di akaun awam. Pautan ini turut dikongsi hanya kepada *close friends* atau pada waktu tertentu seperti lewat malam yang dimuatnaik pada *story* atau status di media sosial.

## TAWARAN

Aktiviti persundulan digital ini tertumpu kepada beberapa kategori. Pertama golongan yang tidak ingin di’sentuh’. Golongan ini akan menawarkan kandungan lucu yang berupa gambar dan video pendek. Konten-konten ini dimuatnaik ke dalam group VVIP yang mana mereka hendaklah melanggan terlebih dahulu.

untuk mendapat akses terhadap bahan-bahan lucah tersebut. Golongan kedua adalah eskot. Golongan ini selain menawarkan kandungan lucah, mereka turut menawarkan perkhidmatan sebagai peneman bagi acara tertentu, aktiviti peribadi seperti membeli belah, ataupun ke kelab malam. Akhir sekali adalah golongan yang menawarkan perkhidmatan pelacuran dan juga konten hasil daripada aktiviti tersebut. Segelintir turut menjadi *sugar baby* yang 'dibela' oleh golongan tertentu hasil daripada mencebur DS.

Mereka yang terlibat dalam DS ini mempunyai pelbagai latar belakang yang terdiri daripada pelajar dan juga golongan profesional seperti guru, pegawai bank, akauntan dan sebagainya. DS ini bukan hanya tertumpu kepada wanita semata-mata, malah turut wujud di kalangan kaum lelaki. Matlamat utama mereka yang menawarkan perkhidmatan ini adalah semata untuk mendapatkan wang yang lumayan dalam jangka masa yang singkat. Masalah kewangan demi memenuhi keperluan dan kehendak menjadi punca mereka terjerobos ke lembah DS.

### **"UNTUK VIDEO BADAN TANPA MUKA PUN, KURANG DARIPADA 10 SAAT, SAYA DITAWARKAN RM 3,000.**

Rata-rata mereka di DS adalah *anonymous*, tidak memaparkan wajah. Ada juga antara mereka yang wajahnya dikaburkan sebelum dimuat naik atau mengenakan topeng dan pelitup muka. Namun, sesetengahnya mempamerkan wajah. Kebiasaanya mereka yang mempamerkan wajah ini adalah mereka yang melakukan DS sepenuh masa, dan mereka adalah elit bagi golongan ini kerana berani mendedahkan diri. Kadar bayaran bagi perkhidmatan untuk mengakses kandungan yang ditawarkan adalah turut lebih tinggi.

Kesannya, terdapat sesetengah antara mereka yang terlibat dengan DS ini akhirnya didiagnos positif HIV. Kesedaran akan kepentingan perlindungan seksual seperti penggunaan kondom atau pengetahuan terhadap PrEP, sememangnya rendah. Ditambah pula, permintaan daripada komuniti yang melanggar menyukai konten tanpa mengenakan sebarang 'perlindungan'.

### **"I NAK HIDUP MEWAH, BAHAGIAKAN HIDUP I, SHARE DENGAN KELUARGA I... UNTUK BULAN PERTAMA SAHAJA I BUAT, SHARE GAMBAR KAKI, GAMBAR KETIAK DAN GAMBAR BADAN SAHAJA, DAPAT BERBELAS RIBU"**

Sesetengah daripada mereka yang terlibat dengan DS ini mempunyai grup sembang antara mereka dan dikawal atau dijaga oleh pihak tertentu. Operasi DS ini bagi sesetengah golongan ini adalah berstruktur dan teratur.

### **PERSPEKTIF DAN KESAN**

Pada dasarnya, bagi golongan ini mereka hanyalah sebagai seorang pencipta kandungan di media sosial. Namun begitu, konten yang diciptakan adalah eksplisit dan berimpak seksual. Hakikatnya mereka adalah pencipta kandungan 18SX atau pelakon porno. Bagi mereka perkara ini merupakan sebuah kelaziman bagi sesetengah pihak kerana ada di antara mereka telah diangkat sebagai pelakon di layar perak.

2024, tidak dinafikan aktiviti DS ini semakin berleluasa dalam kalangan belia kita. Oleh itu, tindakan yang sewajarnya oleh semua peringkat masyarakat dan pihak berkuasa adalah perlu bagi menangani isu ini. - Sumber : Akhbar & Youtube.

# Beza V2K & Darkside

Pada tahun 2020, Malaysia dihebohkan dengan laporan kes grup Telegram 'V2K' yang menyebarkan kandungan eksplisit wanita dan remaja bawah usia tanpa kebenaran. Grup sembang seksual di aplikasi Telegram itu mempunyai hampir 40,000 ahli. Difahamkan bahawa ahli kumpulan ini lelaki, yang terdiri daripada pelbagai latar belakang antaranya pelajar universiti dan ahli perniagaan.

Namun begitu, fenomena kini agak berbeza, segelintir belia kita, baik lelaki maupun wanita berlumba-lumba membuat akaun 'Darkside' (DS) di aplikasi X dan Telegram, atau menjadi pencipta kandungan 18SX di aplikasi OnlyFans. Mereka melacurkan diri di media sosial atas desakan untuk mencari kemewahan atau cara cepat untuk menjadi kaya. Generasi hari ini seolah-olah menjadi 'hamba wang' dengan menggadaikan harga diri semata-mata demi kemewahan hidup.

## TANPA KEBENARAN VS RELA

Perbezaan fenomena pada tahun 2020 dan kini adalah elemen kerelaan. Dahulunya fenomena pornografi dendam merupakan antara motif utama V2K wujud. Kandungan yang dimuat naik adalah tanpa kebenaran. Namun kini, mereka yang menceburi dunia persundulan atas dasar sukarela demi wang. Ada yang mengatakan mengejar kemewahan adalah faktor utama. Kos sara hidup yang tinggi di bandar besar tidak dinafikan menjadi antara faktor pencetus fenomena ini. Selain faktor kewangan, masalah keluarga dan kurang rasa keyakinan diri juga merupakan faktor fenomena ini berlaku.

Individu yang mempunyai hubungan kekeluargaan yang renggang, kurang mendapatkan kasih sayang dan perhatian

yang cukup memungkinkan hal ini berlaku. Hal ini disebabkan oleh kemampuan untuk menunjukkan identiti mereka yang 'lain' di laman sesawang melalui aktiviti sebegini. Selain itu, mereka yang kurang keyakinan diri turut cenderung kerana ingin mendapatkan pujian. Mempamerkan tubuh badan mereka demi pujian menyebabkan tahap keyakinan diri itu meningkat sedikit demi sedikit.

## ANTARA KRISIS DIRI & PERSEPSI

Fenomena V2k pada 2020 boleh dikatakan adalah disebabkan faktor objektifikasi perempuan. Objektifikasi merupakan suatu bentuk dehumanisasi terhadap manusia (terutamanya perempuan). Tindakan tersebut disebabkan oleh pandangan sama ada secara sedar ataupun tanpa sedar, merendahkan martabat perempuan. Seseorang mengalami objektifikasi apabila mereka diperlakukan seperti alat untuk keperluan orang lain. Dalam situasi ini punca awal bagi isu ini adalah daripada wanita sendiri yang mendedahkan kandungan eksplisit peribadi mereka kepada pasangan.

Namun, situasi sedikit berbeza bagi DS, dengan penglibatan dalam DS tidak tertumpu kepada wanita sahaja. Turut wujud ramai lelaki dalam DS ini. Hal ini adalah kerana seks dan kandungan seksual adalah produk komoditi iaitu bahan yang boleh diperdagangkan.

## NILAI DIRI

Persoalan utama dalam isu ini adalah nilai. Hilangnya nilai-nilai murni dalam diri hingga sanggup memperdagangkan diri atau orang lain. Nilai atau harga diri apabila mampu disukat, dan dijadikan sebahagian daripada komoditi dagangan, itulah yang mewujudkan V2K dan DS. – Kajian laman sesawang.



# Daddy Ash

Isu DS ini menjadi heboh dan lebih diketahui umum apabila, seorang lelaki berstatus duda, bapa kepada tiga orang anak, didakwa atas pertuduhan menjual rakaman lucu dan membuat pengiklanan khidmat persundalan. Hasli Ikhwan Arif Zul Hasli (yang tular di media sosial sebagai 'Hot Daddy' atau 'Daddy Ash') mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa membuat pengiklanan khidmat tersebut menggunakan aplikasi X. Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 372(1)(e) Kanun Keseksaan dan dibaca bersama bawah Seksyen 34 kanun yang sama dengan membawa hukuman penjara sehingga 15 tahun dan sebatan serta denda, jika sabit kesalahan.

Semasa prosiding, Timbalan Pendakwa Raya, tidak mencadangkan ikat jamin kepada tertuduh. Namun, menurutnya jika mahkamah membenarkan jaminan, beliau mencadangkan kadar ditetapkan sebanyak RM20,000 kerana jumlah itu sesuai

mengambil kira kepentingan awam selain, kesalahan tersebut dikategorikan dalam jenayah yang serius.

Peguam yang mewakili tertuduh, merayu anak guamnya diberikan ikat jamin pada kadar yang minimum. Hal ini disebabkan oleh tiada elemen menunjukkan mereka akan melarikan diri. Tertuduh juga merupakan rakyat tempatan malah keluarganya tinggal di sini. Hasli Ikhwan perlu menjaga bapanya yang mempunyai sejarah sakit buah pinggang selain mempunyai tiga anak berusia 12, 10 dan 4 tahun.

Manakala dua wanita yang ditahan bersama tertuduh, salah seorangnya tiada pendapatan tetap dan seorang lagi pula, perlu menanggung ibunya yang mempunyai penyakit jantung.

Selepas mendengar pemohonan daripada kedua-dua pihak, Hakim membenarkan setiap tertuduh diikat jamin sebanyak RM 10,000 dengan seorang penjamin. Hasli Ikhwan dike-

-san menjalankan aktiviti menjual rakaman video seksnya dengan lebih 20 wanita pelbagai bangsa dan latar belakang menerusi laman sosial.

Kemudian, 6 wanita lain pula ditahan bagi kes yang sama, dan dituduh memiliki video lucah bagi maksud menunjukkannya secara awam.

Keenam-enam wanita ini adalah daripada latar belakang dan kerjaya yang berbeza-beza, iaitu antaranya penganggur, pemandu pelancong, penuntut universiti, eksekutif pemasaran, akauntan dan pelajar kolej swasta.

- Sumber Akhbar

# Cikgu Darkside

Seorang guru pelatih di sebuah sekolah selama 2 minggu hingga 1 bulan telah mempelawa dan menjadikan murid tingkatan lima sebagai pengurus akaun 'Darkside'nya. Pelajar tersebut mengendalikan laman sosial guru tersebut yang digunakan bagi tujuan persundalan digital.

## PERANAN ADMIN

Antara tugas pelajar tersebut adalah mengendalikan proses melanggan khidmat yang ditawarkan oleh guru tersebut. Pelajar tersebut turut mengendalikan proses tempahan penginapan Airbnb.

**"DIAORANG TAK PERGI HOTEL,  
MEMANG PERGI AIRBNB... MACAM  
KITAORANG ADMIN KAMI AKAN  
WHATSAPP AIRBNB, I NAK BOOK SINI,  
DUA JAM... AIRBNB MACAM BIASALAH  
NAK DUIT... SENANG BUAT DUIT  
SERATUS SETENGAH UNTUK DUA JAM."**

## BAYARAN

Kadar caj yang dikenakan bagi aktiviti pelacuran yang ditawarkan oleh guru tersebut

adalah antara RM400 hingga RM1,100. Manakala guru tersebut juga menawarkan perkhidmatan konten lucah

di aplikasi Telegram. Untuk setiap akses ke akaun "VVIP" tersebut dikenakan caj antara RM100 hingga RM150. Selain itu, guru tersebut juga menawarkan perkhidmatan sebagai gadis pengiring dengan kadar antara RM200 hingga RM500 bergantung kepada tempoh masa.

Lebih mengejutkan lagi, beliau turut berkongsi perlakuannya dengan pelajar-pelajarnya yang lain. Perkara tersebut diketahui oleh pihak sekolah dan guru pelatih tersebut akhirnya berhenti dan meneruskan kerjayanya dalam persundalan digital secara sepenuh masa.

## PENDAPATAN DS

Guru tersebut telah menawarkan perkhidmatan ini sekitar satu tahun. Untuk tempoh tersebut, dipercayai hasil pendapatan daripada aktiviti DS ini melebihi satu juta ringgit.

- Sumber : Youtube.

# PEKA UNDANG-UNDANG : JENAYAH BUNUH & PERSUNDALAN

*"Bijak Undang-undang"*

DEMI HAK MANUSIAWI



# Sexual crime: Darkside

Prof. Madya Dr. Geshina Ayu Mat Saat  
Ahli Majlis Eksekutif (EXCO) MCPF  
Pensyarah Kanan Program Sains Forensik  
Universiti Sains Malaysia (USM)

All sides of sexual crimes are the same shade of dark. There is no gradient of light that perpetrators can use to justify their actions. Section 372B of the Malaysian Penal Code Act 574, is clear on the crime of prostitution: 'Whoever solicits or importunes for the purpose of prostitution or any immoral purpose in any place shall be punished with imprisonment for a term not exceeding one year or with fine or with both'.

Individuals resort to offering prostitution due to economic needs (for example poverty, as a means for quick income or side income), for psychosocial reasons (for example psychopathy, low or negative traits, social needs / constraints), criminogenic reasons (for example criminal networking, human trafficking, narcotic related), or for all these reasons. Involvement in this crime can be of any age and gender. Some of these individuals know that prostitution is a crime in Malaysia and still solicit it.

Yet, we should not forget the people who accept and pay for the services offered. Such individuals seek out perpetrators and unfortunately some customers threaten to make reports to authorities to get away without paying for services rendered. This means that the person offering sex services, is at risk of being taken advantage of or manipulated.

Soliciting for the purpose of prostitution should not be seen as a business transaction as there are negative consequences to all parties in the short and long terms. Research has shown that the negative short-term consequences include physical (for example: high-risk pregnancy and childbirth, physical illnesses) and psychological problems (for example: anxiety, depression, emotional distress). Many people who offer or accept sex services are likely to already have family problems (for example: broken or dysfunctional families) which worsens as a short-term consequence. The individual who solicits prostitution have added negative consequences linked to social problems like involvement in risky social behaviours and social isolation.

Beyond the short-term consequences are the long-term consequences that haunt perpetrators and shadow their future relationships. People who accept solicitations for sexual services will also experience long-term consequences. Past research evidenced a high cumulative risk of sexually Transmitted Infections (STI), pelvic inflammatory disease, infertility, mental health problems, addiction, increase in risky social behaviors, and generational sex-work within families.



# Seksyen 302

# Kanun Keseksaan

Malaysia merupakan antara 56 negara di dunia yang melaksanakan hukuman mati. Hukuman mati di Malaysia adalah menerusi teknik gantung. Terdapat 32 kesalahan boleh dijatuhkan hukuman mati. Antara jenis kesalahan yang boleh dihukum mati adalah melancarkan perang ke atas Yang di-Pertuan Agong, membunuh, pengedaran dadah, aktiviti keganasan, menculik dan mencemarkan bekalan air dengan niat membunuh. Namun, hukuman mati mandatori dan pemenjaraan sepanjang hayat tidak lagi dikuatkuasakan susulan penguatkuasaan Akta Pemansuhan Hukuman Mati mandatori 2023 (Akta 846).

Sejak kebelakangan ini, kerap kali kita dengar mengenai jenayah bunuh yang mengerikan. Disebabkan itu, hal sebegini semakin lebih sering mendapat liputan media. Apabila tertuduh ditangkap dan dibawa ke mahkamah untuk dibicara, tertuduh akan di dakwa di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan. Namun begitu, sejauh mana masyarakat peka dengan perubahan seksyen ini.

## DEFINISI

Seksyen 302 Kanun Keseksaan adalah berkaitan kesalahan bunuh. Pentakrifan secara undang-undang, sekiranya sebarang tindakan yang mendatangkan kecederaan dengan niat untuk membunuh seseorang. Selain itu, melakukan apa-apa tindakan mencederakan satu pihak di mana kecederaan tersebut secara maklum mampu dan akan menyebabkan kematian, kesalahan ini boleh dituduh di bawah seksyen ini.

Prosedur bagi kes sebegini akan dimulakan oleh pihak Polis dengan siasatan mengumpul bahan bukti seperti penggunaan senjata dan motif atau niat membunuh. Setelah siasatan selesai, kertas siasatan akan diserahkan kepada Peguam Negara. Timbalan Pendakwaraya akan mengambil kira faktor-faktor dan bahan bukti untuk memutuskan sama ada seseorang itu patut dituduh di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

## PERUBAHAN

Kini bagi kesalahan membunuh yang termaktub di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan, hukuman mati adalah satu hukuman pilihan tertakluk kepada budi bicara dan keputusan mahkamah. Mahkamah mempunyai pilihan sama ada menjatuhkan hukuman mati ataupun penjara minima 30 tahun dan maksima 40 tahun, serta dikenakan sebatan sekurang-kurangnya 12 sebatan. Dengan melepaskan hukuman mati mandatori, telah membuka ruang untuk mahkamah bagi menjatuhkan hukuman yang setimpal berdasarkan pembuktian seperti senjata, motif, tindak tanduk dan kejadian sebenar yang berlaku.

# Persundalan menurut undang-undang

Di Malaysia, pekerja seks atau apa-apa aktiviti persundalan adalah tidak dianggap sebagai sebuah pekerjaan. Malah ianya merupakan sebuah perilaku dan aktiviti yang menyalahi undang-undang. Terdapat beberapa undang-undang terhadap persundalan, di bawah undang-undang sivil dan undang-undang syariah negeri.

Kanun Keseksaan mendefinisikan "Persundalan" sebagai "tindakan seseorang yang menawarkan tubuh badan orang itu bagi pemuasan nafsu untuk disewakan sama ada melalui wang atau sepertinya". Selain itu, kesalahan menggunakan pas sosial bagi pekerja seks migran, undang-undang berkaitan kesalahan seks atau undang-undang berkaitan komunikasi boleh digunakan.

Undang-undang sivil mengkhususkan pekerjaan seks boleh didapati dalam Kanun Keseksaan di bawah seksyen-seksyen berikut:-

1. Seksyen 372 : Menyalahguna mana-mana orang bagi tujuan persundalan.
2. Seksyen 372A : Seseorang yang hidup hasil daripada atau perdagangkan persundalan.
3. Seksyen 372B : Mencari langganan bagi maksud persundalan.
4. Seksyen 373 : Pengawalan rumah-rumah persundalan.

Seksyen 372 dan 372A menjenayahkan tindakan memberi kerja kepada seseorang atau mendapat keuntungan daripada pekerjaan seks, mengiklankan khidmat pekerjaan seks dan menyalahgunakan sesiapa sahaja yang memperoleh pendapatan hasil persundalan. Kesalahan ini merujuk kepada mak dan bapa ayam.

Manakala, Seksyen 372B memfokuskan individu yang mencari langganan atau meminta bagi maksud persundalan (maksudnya cuba untuk menjual seks kepada orang lain). Seksyen ini menyatakan adalah salah untuk mencari langganan bagi maksud persundalan.

Di bawah undang-undang syariah negeri, rata-rata menyatakan persundalan adalah perlakuan jenayah. Namun begitu, undang-undang syariah negeri menyasarkan secara khusus kepada wanita dan selalunya digunakan terhadap wanita. Bagi transgender pula boleh ditangkap kerana berlagak seperti wanita. Walaubagaimanapun undang-undang syariah hanya terpakai kepada mereka yang beragama Islam sahaja.

Di bawah Akta Kesalahan Kecil 1995, Seksyen 18, menyatakan bahawa mana-mana penjaga hotel, rumah penginapan, rumah awam, rumah tumpangan terbuka, kedai makan dan tempat hiburan atau peranginan awam yang membenarkan kemabukan atau lain-lain kelakuan tidak senonoh di tempat tersebut atau membenarkan pelacuran atau orang yang dikenali berwatak jahat berjumpa atau tinggal untuk tujuan melacur atau berkelakuan aib di dalamnya boleh dikenakan tindakan.

Selain itu, Seksyen 373 Kanun Keseksaan pula memperuntukkan kawalan terhadap rumah-rumah persundalan. Sesiapa yang menyimpan, mengurus atau menolong dalam pengurusan rumah persundalan termasuk tuan premis atau ejen, yang menyewakan tempat dengan pengetahuan bahawa tempat itu diguna-

-kan sebagai rumah persundalan atau membenarkan rumah persundalan dengan segaja boleh dikenakan tindakan. Rumah persundalan bermaksud mana-mana tempat yang diduduki atau digunakan bagi maksud persundalan.

Seterusnya Seksyen 21, Akta Kesalahan Kecil 1995, juga memperuntukkan kesalahan terhadap mana-mana orang yang kemabukan dan berkelakuan tidak senonoh di tempat awam. Berperilaku tidak senonoh atau lucah, atau berterusan memujuk atau merayu bagi maksud-maksud tidak bermoral di mana-mana jalan awam atau di mana-mana tempat awam atau tempat hiburan dan peranginan awam, bangunan pejabat atau tempat ibadat, boleh dikenakan tindakan. Oleh itu, seksyen ini memperuntukkan adalah salah bagi mereka yang menawarkan perkhidmatan persundalan di kawasan awam. Namun begitu, dengan peredaran masa dan teknologi, kini aktiviti ini sudah berubah daripada dilakukan secara terang-terangan di tempat awam kepada perlaksanaan secara atas talian. Selain itu, Seksyen 21 Akta ini menyatakan tiap-tiap penjaja yang berkeliaran dan berniaga tanpa

dilesenkan dengan sewajarnya atau selain daripada diberikuasa oleh undang-undang.

Bagi aktiviti pelacuran, Seksyen 27(b) menyatakan tiap-tiap pelacur berkelakuan tidak senonoh atau sumbang di atas atau berdekatan dengan mana-mana jalan awam, tempat peranginan, hendaklah disifatkan sebagai orang yang berpeleseran dan tidak senonoh dan boleh dikenakan tindakan.

Secara ringkasnya, akta sedia ada banyak menyentuh dan mendefinisikan aktiviti persundalan secara tradisional, yang mana aktiviti ini dilakukan secara terang-terangan di tempat awam. Namun begitu, aktiviti ini telah beranjak secara atas talian. Hal ini sedikit sebanyak telah menyukarkan penguatkuasaan undang-undang. Pastinya penguatkuasaan dalam isu ini juga telah beralih secara campuran, melalui atas talian dan fizikal. Namun begitu, terma ruang awam ini kini semakin subjektif dan relatif. Hal ini demikian kerana, mereka menawarkan perkhidmatan persundalan ini melakukannya secara sorok-sorok atau menggunakan akaun pribadi mereka.

## JENAYAH SEKSUAL

F	S	U	G	A	R	B	A	B	Y	L	R	P	F
D	N	A	T	A	H	I	S	E	K	O	I	A	A
U	A	R	V	I	D	E	O	A	N	N	I	U	N
H	M	S	K	E	R	N	I	M	M	L	N	T	T
G	T	E	L	E	G	R	A	M	A	Y	T	A	A
A	H	K	K	U	G	C	T	I	L	F	I	N	S
M	M	S	N	L	S	A	U	S	A	A	M	N	I
B	I	Y	G	S	L	U	N	R	M	N	T	A	J
A	E	D	C	U	K	G	L	A	A	S	I	M	A
R	L	D	C	N	S	U	O	I	S	N	U	U	N
N	K	A	I	D	K	T	G	D	M	A	G	K	T
N	H	D	T	A	M	A	O	I	T	A	N	U	I
U	P	R	M	L	M	N	R	I	E	B	H	H	N
F	S	L	A	R	H	P	O	L	I	S	S	B	A

SKMM  
MALAM  
SEKS  
CURANG  
UGUTAN  
LUCAH  
POLIS  
FANTASI  
GAMBAR  
KESIHATAN  
HUKUMAN  
TELEGRAM  
EREKSI  
ONLYFANS  
SUGARBABY  
INTIM  
KEGANASAN  
JANTINA  
HAMIL  
SUNDAL  
VIDEO  
ROGOL  
DADDY  
PAUTAN

# MCPF X MURID

*Motivasi & Pencegahan  
Jenayah"*

DEMI PEMBANGUNAN INSAN



## SMK PUTRAJAYA PERSINT 5(1), PUTRAJAYA



SJK(C) Chiao Nan, KL



MCPF Pusat dan Negeri masing-masing aktif dalam menjalankan program bersama murid sekolah menengah dan rendah. Topik-topik ceramah yang diadakan di sekolah ini berfokus kepada ceramah pencegahan jenayah, motivasi, isu rokok dan vape, penyalahgunaan dadah, pembangunan sahsiah seperti isu ponteng, rempit, membuli serta gangguan seksual. Sesetengah aktiviti, dapat dilihat penglibatan rakan agensi seperti PDRM, AADK dan Jabatan Penjara.

## BERBILANG KAUM

Dalam menyemarakkan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat Madani, aktiviti yang dianjurkan melibatkan pelbagai kaum. MCPF komited meneruskan matlamat pencegahan jenayah sejak dari bangku sekolah. Seperti pepatah Melayu, meluntur buluh biarlah dari rebungnya, merupakan matlamat semua peringkat MCPF.

## SJK(T) LADANG MARY, BESTARI JAYA



## SJK(C) Wen Khai, Pulau Pinang



## SMK Taman Melati, KL



## SMK Tinggi Bukit Mertajam





**MCPF X SISWA:  
UNIVERSITI ISLAM  
SELANGOR**



**“TIANG NEGARA &  
PEWARIS BANGSA”**

DEMI GENERASI HADAPAN



# PROGRAM JENAYAH DI KALANGAN REMAJA : REALITI & CABARAN MASA KINI

MCPF telah menganjurkan Program "Jenayah di Kalangan Belia: Realiti dan Cabaran Masa Kini" pada 29 Januari 2024 yang bertempat di Pusat Konvensyen Universiti Islam Selangor (UIS). Program telah dirasmikan oleh CP Dato' Hussein Omar Khan, Ketua Polis Selangor. Dato' Sri Ayub Yaakob, Naib Pengurus Kanan MCPF dan Dato' Prof. Dr. Mohd Farid Ravi Abdullah, Naib Canselor UIS turut hadir menjayakan program tersebut.

Program dimulakan sekitar jam 8.00 pagi dengan persembahan Unit Anjing (K9) PDRM, disusuli dengan ceramah daripada pelbagai rakan agensi seperti PDRM, Yayasan Digital Malaysia dan Ikon Antidadah Negeri Sarawak Ikon Penjara Malaysia Koreksional dan Rehabilitasi. Ceramah bertajuk Jenayah di Kalangan Belia telah disampaikan oleh wakil JPJKK PDRM.





Program turut diselitkan dengan sesi Ceramah bertajuk “Opps, Alamak, Tidakkk” yang telah disampaikan oleh wakil Yayasan Digital manakala ceramah “Mati Hidup Semula” pula telah disampaikan oleh Encik Leong Bon Huat, Ikon Antidadah Negeri Sarawak.

Acara diteruskan dengan Forum Jenayah di Kalangan Belia : Realiti dan Cabaran Masa Kini. Antara ahli panel yang terlibat bagi sesi forum adalah wakil AADK, Ikon Belia Selangor, wakil Jabatan Penjara dan wakil PDRM (Unit D11).

Acara diteruskan dengan majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) antara MCPF dan UIS. Program diakhiri dengan acara penyampaian cenderahati. Majlis berjalan lancar dengan anggaran kehadiran sekitar 500 orang.





# M CPF

## INISIATIF & KOLABORASI

A close-up photograph of a person's hands. One hand is open, palm up, holding a silver whistle. Another hand is shown gripping a silver pen or tool. The background is blurred, suggesting a professional or official setting.

“Cegah Jenayah  
Tanggungjawab Bersama”

BERSATU MENCEGAH JENAYAH



# KARNIVAL PENCEGAHAN JENAYAH



Cheras, 27 April 2024 - Karnival Pencegahan Jenayah Kolaborasi Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) Bersama Rakan Strategik Dengan Komuniti Setempat Tahun 2024 yang diadakan di Pekarangan Blok 3B, Perumahan Awam Sri Sabah, di sini berjaya mencapai objektif penganjurannya dengan kehadiran lebih 10,000 pengunjung. Program ini bertujuan untuk menyantuni masyarakat melalui pendekatan proaktif dan bersepada bagi mencegah jenayah, selain mendidik serta membudayakan masyarakat tentang tanggungjawab bersama dalam menjaga keselamatan awam.

Program yang dianjurkan begitu padat dengan pelbagai pengisian. Antaranya adalah program Ceramah Pencegahan Jenayah dan sesi Townhall Discussion. Selain ceramah, pelbagai aktiviti menarik telah diadakan bagi setiap lapisan masyarakat, seperti acara sukaneka, pameran daraipada pelbagai agensi, penyediaan pelbagai gerai juadah Hari Raya, program Solat Jemaah : Subuh Macam Jumaat, cabutan bertuah, penyampaian sumbangan bantuan kepada





mereka yang memerlukan dan bermacam lagi.

Sumbangan bantuan yang diberikan adalah sebagai tanda keprihatinan PDRM terhadap kesejahteraan masyarakat kepada penerima sumbangan. Antara pihak yang menerima sumbangan tersebut adalah surau, pusat tahfiz, anak yatim dan juga enam keluarga mangsa kebakaran di Blok 70, Perumahan Awam Sri Sabah yang telah terbakar pada Februari lalu.

Selain PDRM dan MCPF, pelbagai agensi yang turut terlibat dalam menjayakan penganjuran karnival ini. Antaranya adalah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Jabatan Sukarelawan Malaysia, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Telekom Malaysia dan Tenaga Nasional Berhad (TNB).



# PROGRAM “HENTIKAN BULI” JANGAN JADI MANGSA

SEMPENA PELANCARAN KELAB PENCEGAHAN JENAYAH (KPJ) PERINGKAT WP LABUAN  
ANJURAN BERSAMA MCPF & JABATAN PENDIDIKAN WP LABUAN



Labuan, 18 Januari 2024 - MCPF dan Kelab Pencegahan Jenayah dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan telah menganjurkan Program Pencegahan Jenayah ‘Hentikan Buli’ Jangan Jadi Mangsa sempena Pelancaran Kelab Pencegahan Jenayah Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan. Program yang bertempat di Labuan International School itu telah dihadiri seramai lebih 500 orang.



Program ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran umum tentang pentingnya pencegahan jenayah dalam kalangan pelajar-pelajar serta menanam nilai moral yang tinggi bagi mendidik para pelajar supaya menjauhi kegiatan jenayah. Program telah dirasmikan oleh Datuk Kamarudin Md Ali, Exco MCPF yang mewakili Dato' Sri Johnny Ch'ng Ewe Gee, yang merupakan Pengurus Jawatankuasa Kelab Pencegahan Jenayah.



Antara tetamu yang hadir pada program tersebut adalah Tuan Haji Abidin Haji Marjan, Pengarah Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan; SUPT. Hamizi Halim, Ketua Polis Daerah Labuan; Encik Awang Marten Datuk Haji Abdul Rahman, Timbalan Pengarah Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan; Puan Nurfarhana Sappar, Pemangku Pengetua Labuan International School; guru-guru besar dan guru-guru Penasihat Kelab Pencegahan Jenayah.



Sebanyak 28 buah sekolah dari seluruh Wilayah Persekutuan Labuan hadir dalam program tersebut dan 4 buah sekolah telah dipilih untuk menjadi sekolah angkat Kelab Pencegahan Jenayah MCPF. Sekolah-sekolah tersebut adalah Sekolah Menengah Sains Labuan, SMK Mutiara Wilayah Persekutuan Labuan, Sekolah Kebangsaan (C) Chung Hwa W.P Labuan dan Sekolah Kebangsaan Pekan Satu. Sesi ceramah juga merupakan antara pengisian bagi program ini. ASP Francisca Duliat (ASP Siasatan Perundangan IPD WP. Labuan), Tuan Muhamamad Tamrin Tang (Ketua Inspektor Jabatan Penjara Malaysia) dan Encik Leong Bon Huat (Ikon Antidadah Negeri Sarawak dan Ikon Penjara Malaysia Koreksional dan Rehabilitasi) merupakan penceramah bagi program ini.

# BENGKEL PEMERKASAAN KOMUNITI BAGI MENCEGAH PENYALAHGUNAAN DADAH & PELENCONGAN SOSIAL



MCPF telah menganjurkan Bengkel Pemerkasaan Komuniti bagi Mencegah Penyalahgunaan Dadah dan Pelencongan Sosial pada 20 Januari 2024. Program telah berlangsung di Dewan Serbaguna Perbadanan Labuan telah dirasmikan oleh Tuan Haji Rithuan Haji Mohd Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan. Seramai 180 orang terdiri daripada wakil-wakil Rukun Tetangga, Skim Rondaan Sukarela (SRS) dan Orang Kena Pengawasan AADK telah hadir ke bengkel yang dianjurkan. Antara agensi Kerajaan yang turut hadir dan menjayakan program ini adalah PDRM, JPNIN, AADK, Jabatan Penjara dan Perbadanan Labuan.

Antara pengisian program adalah Ceramah Pencegahan Jenayah Tanggungjawab Bersama oleh JPJKK, IPD Labuan. Kemudian disusuli, ceramah Mati Hidup Semula oleh Encik Leong Bon Huat (Ikon Antidadah Negeri Sarawak dan Ikon Penjara Malaysia Koreksional dan Rehabilitasi) dan program diakhiri dengan Sesi Forum, Pemerkasaan Komuniti Bagi Mencegah Penyalahgunaan Dadah dan Pelencongan Sosial. Ahli panel bagi sesi forum terdiri daripada Tuan Md Razif bin Wan, Pengarah AADK WPKL; Puan Jessica Basat, Timbalan Pengarah Perpaduan Negeri Sabah dan Tuan Richard Robin, Timbalan Pengarah Pusat Koreksional Labuan. Seterusnya program diteruskan dengan sesi latihan dalam kumpulan (LDK) dikendalikan oleh Prof. Madya Dr. Geshina Ayu Mat Saat,





yang turut diadakan bersama para peserta. Terdapat juga reruai pameran daripada PDRM, JPNIN, AADK dan Jabatan Penjara.

Turut hadir menjayakan program ini antaranya adalah Dato' Sri Ayub Yaakob, Naib Pengerusi Kanan MCPF; Datuk Kamarudin Md Ali, Exco merangkap Pengerusi Jawatankuasa Penganjur; Prof. Madya Dr. Geshina Ayu Mat Saat, Exco MCPF; DCP Datuk Zainudin Bin Ahmad, Timbalan Pengarah Narkotik (Risikan dan Operasi) Bukit Aman; Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik IPK Sabah, SUPT. Hamizi bin Halim, Ketua Polis Daerah Labuan dan pegawai-pegawai Polis IPD Labuan.

Program ini dilaksanakan bagi memberi pendedahan kepada peserta program berkaitan jenayah melibatkan penyalahgunaan dadah dan pelencongan sosial serta kesannya kepada diri, keluarga dan masyarakat. Susulan daripada program ini, MCPF juga bercadang untuk menganjurkan program pencegahan jenayah khususnya dadah di seluruh Labuan melibatkan pelbagai lapisan masyarakat serta agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan di Labuan. Pihak Perbadanan Labuan juga bersetuju untuk bekerjasama dalam merangka dan menjalankan program sebegini bagi memastikan keselamatan masyarakat di Labuan terus terpelihara.



# PROGRAM PENCEGAHAN JENAYAH BERSAMA MASYARAKAT INDIA BATANG KALI

Batang Kali, 24 Februari 2024 - MCPF telah menganjurkan program Pencegahan Jenayah bersama Masyarakat India Batang Kali. Program telah dirasmikan oleh DCP Dato' Sasikala Devi Subramaniam, Timbalan Ketua Polis Selangor.

Program ini bertujuan memberi kesedaran berkaitan jenayah semasa serta peranan masyarakat dalam pencegahan jenayah dan kerjasama bersama pihak polis.


Seramai 300 orang, yang terdiri daripada pelajar sekolah, pelajar institusi pengajian tinggi, ketua-ketua masyarakat, wakil Rukun Tetangga, wakil-wakil persatuan tempatan, wakil agensi kerajaan dan bukan kerajaan telah hadir ke program yang bertempat di Auditorium Datuk Abdul Hamid.

Antara pengisian program adalah ceramah Pencegahan Jenayah, Dadah dan Gangsterism oleh INSP Jay Ganesh daripada IPD Hulu Selangor, dan forum: Jenayah Scam dalam Talian dan Implikasi. Ahli panel bagi sesi forum adalah wakil PDRM, wakil National Anti-Financial Crime Centre (NFCC) dan wakil Yayasan Digital Malaysia.

Turut diadakan pameran Pencegahan Jenayah oleh pelbagai agensi seperti PDRM, AADK dan Jabatan Penjara. Selain itu Sunway Medical Center turut sama menjayakan program dengan menyediakan pemeriksaan kesihatan secara percuma.

Program diakhiri dengan aktiviti menanam pokok di SJKT Batang Kali oleh Timbalan Ketua Polis Selangor.





# EMPATI: NAFSU CINTA

“Telah Karam  
Maka Bertimba”

HARGA SEBUAH PENYESALAN



## Sextortion : Scam Panggilan Video Lucah

Ray (bukan nama sebenar), merupakan seorang pelajar IPT di Lembah Klang. Dahulunya, Ray tidak begitu peka akan sebarang aktiviti jenayah scam yang berlaku di negara ini. Pada pemahaman Ray ketika itu, scam hanyalah apabila mangsa dimanipulasi melalui panggilan telefon dan akhirnya kerugian dari segi kewangan.

Ray setiasa takut dan bimbang akan jenayah scam ini. Dia berfikiran bahawa suatu masa nanti mungkin dia akan terjatuh ke dalam penipuan scam. Akhirnya mimpi buruk Ray menjadi kenyataan di mana beliau menjadi mangsa penipuan scam dan telah diperas ugut. Ray merupakan seorang mangsa scam panggilan video lucah yang telah berlaku sekitar November hingga Disember 2023.

**"SAYA TELAH DI SCAM, MELALUI SEBUAH AKAUN INSTAGRAM PALSU. AKAUN TERSEBUT TERLIHAT BEGITU MEYAKINKAN, BAHWA IANYA DIMILIK OLEH SEORANG GADIS SEBENAR. NAMUN, BEGITU..."**

Mangsa telah di 'follow' dan di dekati oleh sorang gadis melalui 'Direct Messages (DMs)' di platform Instagram. Pelaku telah berinteraksi dengan mangsa dengan cuba beramah mesra dan berbual dengan secara

kerap. Didasari rasa ingin tahu, Ray berhubung dengan 'gadis' itu.

Sebagai seorang yang introvert, agak jarang baginya untuk berinteraksi dengan individu yang tidak dikenali. Akaun pelaku tersebut hanya mempunyai satu atau dua sahaja kenalan bersama. Niat asalnya hanyalah untuk bersikap ramah. Akhirnya interaksi antara Ray dan gadis ini berakhir dengan panggilan video yang melibatkan pertukaran kandungan lucah.

Panggilan video tersebut menayangkan video seorang gadis telanjang dan melakukan aksi masturbasi. Syarat untuk mangsa turut sama dalam panggilan video tersebut adalah mangsa hendaklah memperlihatkan bahagian peribadinya. Ray benar-benar jatuh ke dalam perangkap tersebut dan menunjukkan bahagian alat sulitnya. Apabila video tersebut berakhir, paparan panggilan video tersebut menjadi tata letak seperti Zoom atau Teams. Kemudian muncul tiga orang lelaki yang mula memeras ugutnya. Tidak mematuhi pemerasan ini akan mengakibatkan video bahagian sulit Ray didedahkan di internet.

Pada mulanya, mereka meminta seribu ringgit. Mereka menangkap layar pengikut Ray dan mengugut akan menghubungi pemilik-pemilik akaun tersebut dan menyebarkan video terbabit jika Ray tetap berdegil. Ray menyatakan dia tidak

mempunyai wang yang dipinta. Mereka mengugut untuk menghubungi pengikut rapat Ray di laman sosial untuk meminta bayaran bagi pihak Ray. Dalam keadaan yang mendesak, Ray telah memberikan RM200 kepada mereka melalui akaun WISE. Berdasarkan maklumat yang diperolehi ketika melakukan transaksi pemindahan, Ray menyatakan bahawa lelaki-lelaki tersebut mungkin berasal daripada Filipina. Bahasa dan loghat yang dituturkan mereka mengesahkan lagi andaian Ray ini. Setelah transaksi tersebut selesai, mereka menunjukkan kepada Ray bahawa rakaman tersebut telah dipadam.

## TERUS DIUGUT

Namun begitu, Ray masih terus digangu dan diugut dengan jumlah wang yang lebih besar. Mereka mendakwa bahawa rakaman tersebut belum dipadam sepenuhnya. Ray kemudian membuat transaksi kedua dan seterusnya. Hal ini berlaku beberapa kali dengan anggaran jumlah kerugian Ray alami dari insiden ini adalah sekitar RM650. Bagi seorang pelajar, jumlah ini adalah agak besar. Ray berterusan merayu kepada mereka untuk video tersebut dipadam sepenuhnya.

## SEDAR & ABAIKAN

Setelah beberapa kali ugutan yang sama berulang, akhirnya Ray mengabaikan permintaan mereka apabila dia menyedari bahawa dirinya dipermainkan oleh pelaku-pelaku itu. Dia kemudian telah menyekat akaun tersebut di semua platform media sosial dan memutuskan untuk meneruskan kehidupannya. Walaupun telah disekat, mereka tetap kembali dan menghubungi Ray dengan akaun yang berbeza. Ray yang telah dapat membaca corak mereka, tidak mengendahkan dan terus menyekat mereka.

Ray telah berkongsi insiden yang berlaku dengan orang tuanya dan beberapa orang rakan rapat. Rata-rata mereka memberikan reaksi yang sangat positif. Mereka memu-

-juk, memberikan semangat dan menasihatinya terhadap perkara yang telah berlaku. Hal ini membuatkan Ray berasa lebih yakin. Ibu bapa Ray menasihatkannya untuk tidak bimbang dan keadaan akan menjadi lebih baik.

## LAPORAN

Ray memaklumkan dia tidak melaporkan insiden ini kepada mana-mana pihak berkuasa termasuk polis. Dia merasa malu untuk berkongsi insiden ini kerana ianya melibatkan perkara dan isu tabu. Dia tidak mahu untuk mendedahkan perilaku sumbang yang berlaku dalam scam itu. Walaupun begitu, dia memahami dan berpendapat dengan melaporkan kegiatan ini kepada pihak berkuasa sememangnya dapat membantu. Dia menyatakan rata-rata mangsa tidak akan bertindak sedemikian kerana malu, takut akan distigma dan dilayan dengan prejedis. Secara peribadi, Ray bersetuju kes seperti ini hendaklah dilaporkan kepada badan berwajib untuk tindakan selanjutnya. Apabila ditanyakan adakah dia melaporkan kes ini kepada Pusat Respons Scam Kebangsaan (NSRC), dia tidak tahu menahu berkenaan kewujudan NSRC. Pada ketika insiden tersebut berlaku, NSRC baharu saja diwujudkan dan informasi berkenaan masih lagi rendah. Oleh itu, insiden yang melibatkan isu-isu tabu ini seringkali tidak laporkan kepada mana-mana badan, agensi atau pihak berkuasa untuk tindakan yang sewajarnya.

Ray menyatakan bahawa insiden ini, menjadikan dirinya lebih peka akan scam dan keadaan persekitaran alam maya. Ketika diperas ugut, dia benar-benar ketakutan dan panik. Namun begitu, hal ini tidaklah memberikan kesan emosi yang berpanjangan terhadapnya. Ray hanya dibelenggu rasa kecewa terhadap dirinya sendiri kerana membenarkan dirinya dieksplotasi. Ray menyatakan dia bernasib baik dan bersukur kerana insiden ini tidak memberi kesan besar dan berpanjangan terhadap psikologi dan emosinya. Dia tidak mengalami sebarang bentuk fobia, kerunsingan atau ketakutan

melampau. Dengan siri ugutan dan pemerasan yang berulang, hal ini sememangnya mampu memberikan kesan terhadap aspek psikologi dan emosi.

#### PESANAN

Daripada pengalaman ini, Ray menasihati remaja di luar sana untuk lebih peka dan bertindak dengan secara lebih logik dan rasional.

Dia juga berpesan untuk tidak membiarkan hawa nafsu mengawali diri. Jika dapat diundurkan masa, Ray berkata dia akan mendengar kata hatinya. Hal ini demikian kerana sepanjang berinteraksi dengan akaun tersebut, dia berasa kurang enak seperti ada sesuatu yang tidak kena.

## Komen daripada Penyelaras Perkhidmatan, Pusat Perlindungan Wanita, Women's Centre for Change (WCC) Penang Salma Farhanah A.Rasid



Scam panggilan video yang berunsur lucah ini selalunya melibatkan identiti palsu dengan tujuan untuk mengeksplotasi mangsa secara kewangan atau seksual. Mangsa bukan sahaja orang dewasa tetapi melibatkan kanak-kanak juga. Hal ini kerana kanak-kanak merupakan golongan rentan yang mudah mempercayai seseorang apabila mereka dilayan dengan baik. Dari segi gender, wanita dan lelaki boleh menjadi mangsa.

Pelaku boleh menyamar sebagai sesiapa pun, seperti seseorang remaja atau seseorang yang berlainan gender bagi menjalin hubungan dalam talian dan memperoleh kepercayaan mangsa melalui pujian dan janji manis. Sebaik sahaja mangsa terjebak, pelaku akan mula mengajak mangsa bertemu secara maya menggunakan panggilan video dan meminta mangsa untuk menunjukkan tubuh bogel, bahagian sulit atau perlakuan seksual serta merakam panggilan video tersebut. Pelaku kemudiannya mengugut mangsa dengan meminta wang atau kegiatan seksual yang berterusan.

Kesan emosi seperti ketakutan, kerisauan dan menyalahkan diri sendiri akan menyelubungi mangsa jika mereka tidak mendapatkan pertolongan. Bagi mengelakkan diri daripada menjadi mangsa, beberapa perkara yang perlu diambil perhatian iaitu hati-hati dengan *friend request* tersebut (semak kesahihan akaun sebelum menerima *friend request* tersebut); jangan berkongsi maklumat, gambar atau video peribadi; sekat dan lapor akaun palsu kepada platform media sosial tersebut; serta laporkan kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan polis. Tindakan sedemikian dapat membantu diri anda dan orang lain bagi membendung scam ini daripada berterusan.

# Ketahui Informasi Akaun di Instagram



Instagram merupakan antara platform media sosial yang sering digunakan terutamanya oleh golongan belia, yang berasaskan perkongsian gambar dan video. Aplikasi ini mula diperkenalkan sekitar tahun 2010 dan kian mendapat sambutan hangat golongan muda untuk berkongsi kehidupan seharian dan pencapaian mereka. Pada tahun 2012, aplikasi ini telah dimiliki oleh syarikat ger-



-gasi Facebook dan merupakan sebahagian daripada Metaverse. Kini, pelbagai ciri baharu telah diperkenal dalam platform ini, seperti *story*, *reels*, *Direct Messages* dan sebagainya.

Tidak dinafikan bagi sesetengah belia, ada yang berkomunikasi secara sepenuhnya dengan rakan sebaya mereka melalui aplikasi sebegini. Penggunaan yang kerap, tidak bermakna pengguna tahu kewujudan ciri khas dan kemaskini terbaru yang di aplikasi tersebut.

Berikut adalah langkah-langkah untuk anda ikuti untuk mengetahui keesahan akaun di platform ini.


1 – Buka aplikasi Instagram pada peranti anda. Kemudian pergi ke layar profil akaun tersebut dan pilih menu yang berada pada sudut kanan atas layar tersebut.

2 – Klik pada *About this Account*. Informasi akaun tersebut akan di paparkan. Antara informasi yang tertera adalah tarikh akaun tersebut dicipta, lokasi pengkalan akaun, nama pengguna dahulu, data pengikut akaun tersebut dan maklumat verifikasi akaun.



3 – Pada Former usernames, pengguna boleh mengetahui nama pengguna yang digunakan dan kekerapan nama pengguna diubah serta sesetengah akaun juga akan memaparkan nama pengguna yang terdahulu.

4 – Data pengikut akaun tersebut boleh diperolehi pada Account with shared followers.



5 – Untuk akaun yang telah diverifikasi, tarikh verifikasi akan dipaparkan selain simbol verifikasi yang jelas dipaparkan pada profil akaun tersebut bersebelahan nama pengguna akaun.

This screenshot shows a standard Instagram profile page for the account "pdrmsia\_official". At the top right is a blue circular badge with a white checkmark. To the left of the badge, the account name is displayed with a small blue verified checkmark. Below the name, there's a short bio: "To help keep our community authentic, we're showing information about accounts on Instagram. See why this information is important." To the right of the bio, there are sections for "Date joined" (March 2015), "Account based in" (Malaysia), and "Verified" (April 2018). Below these sections, a note explains what a verified badge means. At the bottom right of the profile area, there's a blue button that says "Sign up for Meta Verified".



Undang-undang Anti Mengendap telah mula berkuatkuasa mulai 31 Mei 2023. Mohamad Safiq Rosli, 38, merupakan pesalah pertama menghadapi pertuduhan mengendap di bawah Seksyen 507A(1). Mahkamah telah memerintahkan tertuduh ditempatkan di Hospital Bahagia Ulu Kinta, Perak.

Tertuduh telah mengganggu seorang jurugambar wanita melalui media sosial. Tertuduh telah membuat lebih 30 akaun bagi mengganggu wanita tersebut sejak 2016. Selain mengganggu mangsa dengan hantaran mesej yang kerap, tertuduh turut membuat hantaran berbentuk lucu



kepada mangsa. Tertuduh turut telah mengekori mangsa hingga luar negara, antaranya hingga ke United Kingdom.

Berdasarkan pemeriksaan yang dilakukan saksi pembelaan, pakar perunding psikiatri Hospital Bahagia Ulu Kinta, Dr Ian Llyod Anthony, tertuduh menghidap penyakit Schizophrenia.

Tertuduh tidak menyedari perbuatannya adalah satu kesalahan dan tidak tahu bahawa perbuatannya menyalahi undang-undang kerana fikirannya tidak waras pada masa itu. Gangguan mental yang dihadapinya adalah lebih kepada berdelusi. Tertuduh menghadapi pelbagai bentuk delusi dan antara yang paling ketara adalah delusi cinta atau dikenali sebagai "erotomania".


Delusi yang bermula hampir lapan tahun lalu telah berkembang dalam satu jangka waktu. Kerana delusi ini, seluruh hidup tertuduh tertumpu kepada kehidupan mangsa. Menjadi satu tugas untuk tertuduh untuk mengetahui setiap butiran kehidupan peribadi dan kerjaya mangsa, selain perkara yang disukai dan dibenci, ulasnya. Anthony berkata Mohamad Safiq percaya bahawa dia dan mangsa berada dalam hubungan romantik, tetapi fakta sebenarnya dia hanyalah bertepuk sebelah tangan. - Sumber : Akhbar

## TANGKAP LAYAR - DELUSI CINTA





## **YAYASAN PENCEGAHAN JENAYAH MALAYSIA (MCPF)**



**B-3A-13, Blok B Tingkat 4 Unit 13**

**Megan Avenue II, Jalan Yap Kwan Seng, 50450 Kuala Lumpur,  
Malaysia**



**support@mcpf.org.my**



**+603-2181 0055 / +603-2181 0555**



**MCPF Official**



**www.mcpf.org.my**